



MAJLIS PERBANDARAN KULAI
KENYATAAN TAWARAN TENDER BIL. 3/2025 (CIDB)
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

TARIKH PENJUALAN DOKUMEN : 06 OGOS 2025 (RABU)
TARIKH TUTUP JUALAN DOKUMEN : 21 OGOS 2025 (KHAMIS)

	MAKLUMAT PENDAFTARAN <i>ONLINE</i> TAKLIMAT (WAJIB)	
	Tarikh & Masa :	01 OGOS 2025 (Bermula Jam 8.00 Pagi) Hingga 05 OGOS 2025 (Sehingga Jam 5.00 Petang)
	Kaedah Pendaftaran :	Scan pada Kod QR yang disediakan
	PENGESAHAN KEHADIRAN TAKLIMAT (WAJIB)	
	Tarikh :	06 OGOS 2025 (RABU)
	Masa :	8.30 PAGI – 9.30 PAGI (PINTU AKAN DITUTUP SELEPAS JAM 9.30 PAGI) *TAKLIMAT AKAN BERMULA JAM 10.00 PAGI*
	Tempat :	DEWAN PERSIDANGAN ARAS 1, MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Perincian Tender	Syarat Pendaftaran	Pembelian Dokumen Tender
No. Tender : MPKu/T/9/2025 (MPKu) KERJA- KERJA PENYELENGGARAAN DEWAN, BALAIRAYA, BANGUNAN-BANGUNAN DAN ASET TIDAK ALIH MAJLIS PERBANDARAN KULAI SEHINGGA 31 DISEMBER 2027	CIDB Gred : G3 Kategori: CE & B Pengkhususan: CE 32 DAN B 24	Harga Dokumen : RM250.00 Tidak Dikembalikan Bentuk Pembayaran : Bank Draf / Kiriman Wang

PERHATIAN

1. Tender ini dipelawa kepada kontraktor **YANG MASIH MEMPUNYAI TEMPOH SAH LAKU** sekurang-kurangnya **3 BULAN** dari tarikh tutup iklan serta bagi pembelian dokumen tender sila bawa bersama-sama **SIJIL-SIJIL ASAL** berserta **SATU (1) SALINAN** :
 - i. **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam kelas, kepala dan sub kepala yang berkaitan;
 - ii. Taraf Bumiputera yang berdaftar dengan **Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)** ;
 - iii. **Sijil Kontraktor Johor (SKJ)** daripada **Johor Centre For Construction Development (JCCD)** jika berkaitan ;
 - iv. **HANYA PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **SAHAJA** yang boleh menghadiri lawatan tapak / taklimat dan pembelian tender **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**.
 - v. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ;

- vi. Cop syarikat ; dan / atau
- vii. Slip **ASAL** Kebenaran Khas dari CIDB (jika berkenaan) (**RESIT TIDAK DITERIMA SEMASA SESI PEMBELIAN**).

2. **TAKLIMAT TENDER - KEHADIRAN DIWAJIBKAN**

- a) Pendaftaran taklimat boleh dibuat melalui imbasan *QR code* yang disediakan di:
 - i. Laman web rasmi Majlis Perbandaran Kulai.
 - ii. Facebook rasmi Majlis Perbandaran Kulai.
 - b) Sekiranya pihak kontraktor gagal untuk membuat pendaftaran secara online pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan, pendaftaran secara '*WALK-IN*' pada hari taklimat adalah **TIDAK DITERIMA**.
 - c) Pembelian hanya dibuka kepada kontraktor yang telah menghadiri taklimat sebagaimana perkara (2).
 - d) Pihak kontraktor perlu memastikan pendaftaran secara online berjaya di hantar. Pihak Majlis Perbandaran Kulai berhak menolak sebarang rayuan sekiranya nama syarikat tiada di dalam senarai pengesahan pendaftaran taklimat.
3. Tawaran ini terbuka kepada kontraktor dan pembekal yang telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kulai sahaja. Pendaftaran pertama kali (bagi yang belum berdaftar) / pembaharuan pendaftaran boleh dilakukan semasa urusan pembelian tender.
4. Kontraktor dan pembekal yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki membuat bayaran secara **Kiriman Wang/Draf Bank** sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KULAI** sebagai bayaran Dokumen Tender.
5. Waktu penjualan dokumen adalah sebagaimana berikut :

Hari	Waktu Operasi Kaunter	Waktu Rehat
Isnin – Khamis	8.30 pagi – 4.30 petang	1.00 petang - 2.00 petang
Jumaat	8.30 pagi – 12.00 tengah hari 2.45 petang – 4.30 petang	12.15 tengah hari – 2.45 petang

6. Petender diminta melengkapkan senarai semakan beserta tandatangan dan cop syarikat di muka pertama dokumen tender sebelum dimasukkan ke dalam peti tawaran. Segala kesulitan yang dihadapi sekiranya gagal melengkapkan dokumen tender adalah dibawah tanggungan pihak petender sendiri.

7. **PENYERAHAN TENDER**

- a) Dokumen tender yang lengkap hendaklah dilakri dan dihantar dengan serahan tangan ke alamat di bawah sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang tersebut di atas. Dokumen tender yang dihantar selepas dari tarikh dan waktu yang dinyatakan tidak akan dilayan. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini.

Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di :-

Aras Bawah, Bahagian Perolehan dan Pengurusan Kontrak
Majlis Perbandaran Kulai

Sebelum Jam 12.00 tengah hari pada : 21 Ogos 2025 (Khamis)

- b) Dokumen tender yang lewat diterima selepas jam 12.00 tengah hari akan ditolak.
 - c) Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut ketika pengembalian dokumen tender dan dimasukkan ke dalam sampul :
 - i. Set Dokumen Tawaran yang lengkap diisi harga setiap item di dalam senarai kuantiti, jumlah harga tawaran di ringkasan tender dan borang tender.
 - ii. Dokumen sokongan mengandungi maklumat dan data-data syarikat berhubung dengan penyata kewangan 3 bulan terkini yang disahkan oleh Pegawai Bank, pengalaman kerja yang setaraf, kakitangan teknikal, logi, peralatan asas, dan prestasi kerja semasa petender. Petender dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan Syarikat 3 bulan Terkini Yang ASAL dan telah disahkan oleh pihak bank (Pengesahan oleh pegawai bank mengandungi nama pegawai bank beserta No. I.D dan cop cawangan bank) semasa menghantar dokumen tender. Sekiranya maklumat yang dikehendaki tidak disertakan, tawaran pemborong dianggap TIDAK LAYAK untuk dipertimbangkan.
 - iii. Salinan Penyata Kewangan **HANYA DIBENARKAN** untuk pembelian melebihi 1 dokumen tender.
8. Sekiranya perlu, pihak syarikat boleh menuntut semula dokumen Tender beserta Profil Syarikat dalam tempoh **4 bulan selepas tarikh tutup jualan Tender**. Jika tiada tuntutan dibuat dalam tempoh tersebut, dokumen tender beserta profil syarikat akan dilupuskan.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULAI,
JALAN PEJABAT KERAJAAN,
81000 KULAI.
TARIKH IKLAN : 01 OGOS 2025 (JUMAAT)



PENDAFTARAN TAKLIMAT KENYATAAN TAWARAN TENDER BIL. 3/2025